Jurnal Syariah, 10:2 [2002] 1-18

Sejarah Penubuhan Institusi Fatwa di Negeri Selangor

Mazni binti Abdul Wahab

Abstract

The administration of fatwa in Selangor that has started well before Merdeka, has undergone phenomenal change. Specific legal provisions have largely underscored various aspects of the administration of fatwa including the appointment and authority of Mufti, the establishment of Syariah Consultative Committee and the organisation of the administration of fatwa.

Institusi fatwa di negeri Selangor ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1930 apabila *Syeikh al-Islām* Setia Diraja Tengku Mahmud Zuhdi bin Tengku Abdul Rahman dilantik.[1] Beliau bertugas menasihati DYMM Sultan dan ahli kepada Majlis Agama Islam bersama-sama dengan ahli-ahli lain yang dilantik.

Meskipun begitu, jawatan ini dinamakan *Syeikh al-Islām* kerana gelaran Mufti masih belum lagi digunapakai. Penggunaan istilah *Syeikh al-Islām* yang digunapakai oleh negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia seperti Kedah, Perak

dan Terengganu telah mempengaruhi negeri ini untuk turut menggunakannya.[2]

Istilah Mufti diwujudkan setelah Enakmen Pentadbiran Hukum Syara' Selangor 1952 dibuat dan memperuntukkan perkara berkaitan Mufti dan fatwa dalam bahagian yang kedua. Apabila jawatan Mufti mula digunakan pada tahun 1953, Mufti pertama yang memegang jawatan tersebut ialah Dato' Haji Yusof bin Shahabuddin.[3] Beliau merupakan anak jati negeri Selangor yang telah belajar di Mekah dan seorang ulama yang sangat warak.[4] Beliau memegang jawatan ini sehingga tahun 1968 setelah 13 tahun berkhidmat.[5]

Jawatan ini kemudiannya digantikan oleh Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Hj. Abdullah dan memegangnya selama 2 tahun bermula dari 1 Jun 1968 hingga tahun 1970.[6] Beliau merupakan anak negeri Perak dan pelajar lulusan Madrasah al-Saulatiah di Mekah. Sebelum menjadi Mufti, beliau pernah menjadi seorang guru agama, kadi dan imam besar masjid negeri.[7]

Terdapat 7 orang Mufti di Selangor hingga kini, di mana Mufti keempat ialah Tuan Haji Saleh bin Hassan Farid (1 Januari 1974-1980),[8] Mufti kelima, Dato' Hj. Hassan bin Omar (1 Mac 1976-1985).[9] Manakala Mufti keenam ialah Dato' Hj. Ishak bin Hj. Baharom yang bertugas selama 12 tahun bermula dari 16 Ogos 1985 hingga pada tahun 1997.[10] Terkini ialah Dato' Hj. Mohd. Tamyes Abdul Wahid yang dilantik dengan rasminya pada 16 Mac 1998.[11] Beliau merupakan bekas pengetua Sekolah Menengah Agama Tinggi Hishamuddin.[12]

Semasa ketiadaan Mufti dalam negeri sama ada keluar bertugas ataupun wujud kekosongan jawatan, seorang Pemangku Mufti akan dilantik. Mereka yang pernah dilantik menjadi Pemangku Mufti ialah Tuan Haji Hussin Haji Abbas yang mula dilantik pada tarikh 18 Oktober 1967[13] dan Haji Hassan Haji Omar mulai 25 Januari hingga 6 Mac 1971.[14] Manakala Haji Abdul Majid Omar juga pernah memangku jawatan Mufti semasa berlaku kekosongan jawatan ini mulai 1 Januari 1998 sebelum perlantikan Mufti baru.[15]

Manakala jawatan Timbalan Mufti hanya bermula pada tahun 1991 apabila Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor 1989 diluluskan dan dikuatkuasakan pada 1 September 1991.[16] Timbalan Mufti pertama yang dilantik ialah Tuan Haji Jamauddin bin Haji Omar bermula dari 4 November 1991 hingga 31 Disember 1997.[17] Jawatan ini sekarang dipegang oleh Haji Abdul Majid bin Omar yang dilantik untuk memegang jawatan tersebut sejak 2 Januari 1998.[18]

Mulai tahun 1985, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan JAIS menjadi setiausaha kepada Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'. Mereka yang pernah menjadi setiausaha ialah Haji Turmidi bin Surif, Haji Mohd. Amin Haji

Abdul Rashid, Haji Khairuddin Haji Abd. Samad dan Haji Aluwi bin Parman.[19] Apabila PMNS diadakan pada tahun 1995, setiausaha jawatankuasa dipegang oleh pegawai hal ehwal Islam PMNS sendiri iaitu Abdul Malek Haji Ghazali[20] dan sekarang jawatan ini dipegang oleh Md. Razali Hasanusi.

Fungsi Mufti

Tugas utama *Syeikh al-Islām* Setia Diraja Tengku Mahmud Zuhdi bin Tengku Abdul Rahman ialah menasihati DYMM Sultan dalam hal ehwal agama Islam.[21] Di samping itu juga, beliau pernah dilantik sebagai Kadi Besar pada 11 Mei 1935.[22] Manakala tugas lain yang bersifat protokol ialah mengikuti rombongan diraja ke England pada tahun 1936.[23] Beliau juga telah dihantar oleh DYMM Sultan Hisamuddin sebanyak dua kali ke Mekah untuk membuat persediaan bagi menunggu kedatangan baginda dan rombongan mengerjakan haji.[24]

Manakala Mufti-Mufti selepasnya turut menjalankan fungsi sebagai penasihat baginda dalam hal ehwal agama Islam sebagaimana yang telah termaktub dalam peruntukan seksyen 42, Enakmen Pentadbiran Hukum Syara' Selangor 1952. Dalam hal ini, Mufti dianggap sebagai penasihat diraja dalam sebarang istiadat yang dijalankan seperti istiadat pertabalan, kemangkatan dan sebagainya.[25]

Mufti juga berperanan penting dalam usaha menyebarkan dakwah Islamiah kepada umat Islam di negeri Selangor.[26] Oleh yang demikian, sesi ceramah oleh Mufti telah dijalankan di masjid-masjid, surau dan juga istana.[27] Mufti bersama para mubaligh dan Kadi[28] telah memainkan peranan yang besar dalam menyampaikan ajaran Islam termasuklah perkara yang melibatkan akidah, amalan harian, ibadat dan sebagainya.

Selain dari itu, Mufti turut sama dilantik sebagai ahli dalam Jemaah Pemangku Raja bersama ahli-ahli yang lain. Jemaah Pemangku Raja diberi kuasa untuk mewakili baginda menjalankan segala perbuatan, hak dan kewajipan yang sepatutnya dilakukan oleh DYMM Sultan[29] berikutan ketiadaan baginda dalam negeri lebih daripada tiga puluh hari.[30]

Mufti juga dilantik menganggotai mana-mana jawatankuasa yang dibuat oleh Majlis Agama Islam berdasarkan peruntukan yang terdapat dalam *The Administration of Muslim Law Rules 1953* pada perenggan 5 yang menyebut:[31]

> *The Majlis shall have power to appoint Standing and Ad Hoc Committees, and may confer upon such Committees such power and impose upon them such duties as it deem necessary, and may control their procedure.*

Peruntukan di atas menjelaskan bahawa Majlis mempunyai kuasa untuk menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang dirasakan perlu serta boleh melantik sesiapa sahaja untuk menganggotainya termasuklah Mufti.

Oleh yang demikian, pada tahun 1964, Mufti menganggotai ahli Jawatankuasa Zakat dan Baitulmal selain dari mempengerusikan Jawatankuasa Undang-Undang Ugama.[32] Pada tahun 1970, Mufti telah dilantik untuk menganggotai Jawatankuasa Pentadbiran Sekolah-sekolah Agama,[33] Jawatankuasa Lembaga Memeriksa dan Memilih Pegawai-Pegawai Agama dan Guru Agama,[34] Jawatankuasa Baitulmal, Wakaf dan Nazar,[35] Jawatankuasa Pentadbiran Zakat dan Fitrah[36] serta Jawatankuasa Menentukan Sempadan-Sempadan Kariah Masjid.[37]

Keahlian Mufti dalam panel Jawatankuasa Rayuan juga penting memandangkan Mufti sering dilantik menganggotainya. Jawatankuasa Rayuan untuk Ulang Bicara dilantik oleh DYMM Sultan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang terdiri daripada satu daftar (panel) seramai tujuh orang.[38] Dari jumlah tersebut, tiga orang daripada mereka akan dipilih oleh Yang Dipertua untuk menghakimi perbicaraan sesuatu kes.

Tradisi melantik Mufti sebagai Jawatankuasa Rayuan telah bermula sejak awal lagi dengan perlantikan *Syeikh al-Islām* Setia Diraja Tengku Mahmud Zuhdi sebagai ahli jawatankuasa ini bagi tahun 1936,[39] kemudian diikuti perlantikan Dato' Haji Hassan bin Haji Omar yang menganggotainya pada 1 Januari 1976-1978[40] dan sesi 1 Januari 1979 - 31 Disember 1981.[41] Manakala Dato' Haji Ishak bin Haji Baharom dilantik menganggotainya dari 1 Januari 1987 - 3 Disember 1989[42] dan sesi 1 Januari 1988 - 31 Disember 1990.[43]

Mufti juga berfungsi sebagai penasihat kepada Majlis dalam masalah-masalah semasa termasuklah harta pesaka orang Islam. Dalam kes *Khairil Albrecht bin Abdullah,*[44] seorang warga negara Jerman yang telah masuk Islam pada 27 Februari 1986 dan meninggal dunia pada 29 April 1990, telah membuat satu surat sumpah di hadapan Pesuruhjaya Sumpah yang menyatakan bahawa beliau menolak agama Islam dan kembali ke agama asalnya. Pada 13 Januari 1989, beliau telah membuat satu surat wasiat yang menyatakan bahawa segala hartanya diberi kepada Amarjit Singh a/l Pritam Singh. Persoalan yang timbul ialah sama ada pertukaran agamanya melalui surat sumpah dan perisytiharan akhbar itu sah atau tidak. Sekiranya pertukaran agama itu tidak sah, adakah wasiat yang dibuatnya itu sah, dan jika wasiat itu tidak sah, siapakah yang patut menerimanya memandangkan si mati tidak mempunyai waris.

Jawatankuasa Fatwa telah membuat keputusan bahawa pertukaran agama yang dibuat di hadapan Pesuruhjaya Sumpah tidak diiktiraf kerana ia tidak ada yang

khusus dan saksi yang terdiri daripada orang bukan Islam tidak sah mengikut hukum Syarak. Akan tetapi, wasiatnya itu sah dengan syarat tidak melebihi 1/3 daripada harta dan bakinya hendaklah diserahkan kepada Baitulmal. Jawatankuasa Fatwa merujuk kepada kitab *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, karangan Wahbah al-Zuhaylī, juz. 8, m.s. 58.

Keputusan yang telah dibuat ini menunjukkan perisytiharan murtad melalui surat sumpah di hadapan mana-mana Pesuruhjaya Sumpah yang mengemukakan saksi di kalangan orang bukan Islam jelas tidak diterima. Kebenaran surat sumpah itu juga boleh diragui sama ada ianya benar-benar dilakukan oleh si mati tanpa sebarang paksaan, ugutan atau sebagainya. Walau bagaimanapun, wasiat kepada orang bukan Islam tidak dihalang tetapi dengan syarat tidak melebihi 1/3 daripada jumlah harta. Manakala harta yang selebihnya hendaklah diserahkan kepada Baitulmal kerana tiada waris yang berhak menerimanya.

Perlantikan Mufti

Di Selangor, Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor 1989 memperuntukkan bahawa DYMM Sultan berkuasa untuk melantik seorang Mufti sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 29 (1) (2):

(1) Duli Yang Maha Mulia Sultan hendaklah melantik seorang yang layak dan sesuai untuk menjadi Mufti bagi Negeri

(2) Apabila berkuatkuasa seksyen ini orang yang menjadi Mufti bagi Negeri Selangor sebelum sahaja berkuatkuasanya seksyen ini, hendaklah dianggap sebagai telah dilantik di bawah seksyen ini sebagai Mufti bagi Negeri dan hendaklah terus menjalankan tugasnya.

Peruntukan di atas jelas menunjukkan seseorang yang difikirkan layak dan sesuai akan dilantik menjadi Mufti untuk negeri Selangor oleh DYMM Sultan. Walau bagaimanapun, kelayakan Mufti tidak diperjelaskan apabila dinyatakan "layak dan sesuai" sahaja. Kelayakan dan kesesuaian yang bagaimana pada seseorang itu tidak pula dinyatakan.

Manakala seksyen 29(2) pula menyatakan bahawa Mufti yang semasa perlantikan dibuat mengikut seksyen 39, Enakmen Pentadbiran Hukum Syara' Selangor 1952 tetap akan menjawat jawatan tersebut sekalipun Enakmen Pentadbiran Hukum Syara' Selangor 1952 sudah tidak digunapakai. Justeru, kedudukan Mufti tidak terjejas dengan pertukaran enakmen.

Dalam hal perlantikan Mufti, Enakmen Pentadbiran Hukum Syara' Selangor 1952 di bawah seksyen 39 menyebut:

"Duli Yang Maha Mulia Sultan di dalam mesyuarat kerajaan boleh melantik seorang yang layak dan patut menjadi Mufti Negeri Selangor."

Peruntukan di atas jelas menunjukkan Mufti dilantik oleh DYMM Sultan dan kelayakan untuk menjadi Mufti juga tidak diperjelaskan sama seperti seksyen 29, Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor 1989. Namun, apa yang berbeza ialah keputusan dibuat oleh DYMM Sultan dalam Mesyuarat Kerajaan Negeri sedangkan peruntukan seperti ini tiada dalam seksyen 29, Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor 1989.

Pada kebiasaannya, pemilihan Mufti mengikut amalan terdahulu adalah atas nasihat Yang di Pertua kepada DYMM Sultan sebagaimana yang dilakukan oleh Hj. Pateh Akhir bin Mat Sah iaitu Yang di Pertua Pejabat Ugama Islam Selangor kepada DYMM Sultan:

> "Bagi Mufti: seorang alim yang berkelayakan itu sepatutnya seorang yang lulus di dalam universiti Islam dengan mendapat Ijazah Sarjana Muda atau sarjana atau orang yang mendapat pelajaran di tempat-tempat lain yang diakui boleh dan atas ilmunya serta banyak pengalamannya di dalam ilmu agama Islam di atas segala cawangannya."[45]

Keterangan di atas jelas menunjukkan bahawa kelayakan akademik diperlukan bagi seorang Mufti. Mufti-Mufti Negeri Selangor yang menerima pelajaran di Mekah ialah *Syeikh al-Islām* Setia Diraja Tengku Mahmud Zuhdi, Haji Yusuf Shahabuddin dan Dato' Hj. Mohd. Ghazali.[46] Manakala Dato' Haji Hassan Haji Omar belajar di Madrasah Dinniah, Bukit Tinggi dan Sekolah Normal Islam, Padang, Indonesia,[47] Dato' Haji Ishak Baharom di Darul Ulum, Deoborn, India[48] dan Dato' Haji Mohd. Tamyes Abdul Wahid di Universiti Al-Azhar, Mesir.[49]

Pernyataan yang dibuat oleh Yang di Pertua Pejabat Ugama Islam Selangor itu kemudiannya disokong oleh satu lagi kenyataan lain. Kenyataan ini telah dibuat dalam mesyuarat jawatankuasa menimbang gaji guru-guru dan pegawai-pegawai Pejabat Ugama Islam dan Mahkamah Syariah Selangor yang menyatakan bahawa:[50]

> "Jawatan Mufti adalah satu jawatan tinggi dan orang yang layak menjadi Mufti ialah seorang yang berpengalaman tinggi di dalam hukum Syariah dengan jenis-jenis ilmunya serta berkebolehan dan biasanya ialah seorang yang telah berumur dan cukup mahir di dalam fahaman-fahaman ilmu-ilmunya. Ianya adalah dipandang mulia dan dihormati oleh khalayak Islam umumnya".

Kenyataan di atas tidak menyatakan dengan jelas tentang perlunya seorang Mufti yang dilantik terdiri daripada lulusan dari mana-mana universiti. Apa yang perlu dimiliki oleh seorang Mufti ialah seorang yang berpengalaman luas di dalam

ilmu agama terutamanya dalam hal berkaitan hukum Syarak. Dalam hal ini, pengalaman biasanya didapati pada orang yang telah berumur.

Selain daripada itu, seseorang yang dilantik sebagai Mufti mestilah seorang yang dihormati dan dimuliakan oleh masyarakat. Ini perlu kerana tugas mengeluarkan hukum adalah satu tanggungjawab yang berat dan memerlukan seseorang yang baik sifatnya serta beramal dengan ilmunya. Fatwa yang dikeluarkan oleh seorang yang sememangnya dihormati dalam masyarakat akan ditaati kerana kepercayaaan masyarakat kepada orang yang mengeluarkan hukum tersebut. Sekiranya orang yang dilantik sebagai Mufti berakhlak buruk, maka sudah tentu fatwa yang dikeluarkannya tidak akan dihormati oleh masyarakat Islam itu sendiri.

Walau bagaimanapun, satu lagi kenyataan mengenai jawatan Mufti telah dibuat dalam minit mesyuarat tuntutan menaikkan skim dan tangga gaji pegawai-pegawai Pejabat Hal Ehwal Ugama Islam Selangor tahun 1957 menyatakan:[51]

> "Sesiapa yang meminta jawatan ini hendaklah ianya mempunyai Syahadah (tauliah) kelulusan daripada Universiti Islam di dalam perkara *Syar'iyyah* atau mempunyai kebolehan yang serupa atau lebih daripada mana-mana kuliyah (*College*) atau mempunyai kelulusan dan ilmu yang setaraf dengan itu dan berumur tiada kurang daripada 35 tahun. Apabila telah dilantik hendaklah ianya di dalam percubaan selama tiada kurang daripada 1 tahun dan apabila mendapat sokongan Yang di Pertua Pejabat Ugama Islam Selangor menetapkan dia di dalam jawatannya itu baharulah ditetapkan. Permintaan daripada pegawai-pegawai di dalam Pejabat Ugama ini hendaklah diutamakan".

Pernyataan di atas menggambarkan kelayakan yang sepatutnya ada pada Mufti. Kelayakan akademik tetap diutamakan sebagai salah satu daripada syarat penting seseorang yang akan dilantik sebagai Mufti. Namun, adalah lebih baik sekiranya seorang Mufti itu mempunyai tahap akademik yang tinggi, ilmu pengetahuan yang luas, banyak pengalaman serta akhlak yang baik sebelum dilantik menjadi Mufti.

Faktor umur turut diambil kira dalam perlantikan seorang Mufti. Pada kebiasaannya, seseorang Mufti yang dilantik telah melangkaui tahap umur 35 tahun dan ke atas.[52] Kenyataan ini dapat dilihat pada tahap umur setiap Mufti semasa dilantik iaitu *Syeikh al-Islām* Tengku Mahmud Zuhdi Tengku Abdul Rahman (40 tahun),[53] Tuan Haji Yusuf Shahabudin (70 tahun),[54] Haji Mohd. Ghazali (53 tahun),[55] Hj. Md. Salleh Hassan Farid (64 tahun),[56] Hj. Hassan Hj. Omar (54 tahun),[57] Dato' Hj. Ishak Baharom (57 tahun)[58] dan Dato' Hj. Mohd. Tamyes Abdul Wahid (47 tahun).[59]

Berdasarkan kepada kenyataan ini jelas menunjukkan bahawa faktor umur diambil kira dan kesemua Mufti dilantik selepas mencapai umur 40 tahun. Pada tahap umur tersebut, seseorang itu bolehlah dianggap telah matang dan ianya dilihat seolah-olah mengambil berkat Nabi Muhammad s.a.w. yang telah dilantik menjadi Rasul semasa baginda berusia 40 tahun.[60] Dalam hal ini, seseorang yang matang, banyak pengalaman hidup serta luas ilmu pengetahuannya sahaja dapat menangani sebarang permasalahan dengan lebih baik.

Elemen-elemen lain yang dinyatakan ialah adanya tempoh percubaan kepada Mufti iaitu tidak kurang dari setahun dan akan diserapkan ke jawatan tetap setelah mendapat sokongan daripada Yang di Pertua Pejabat Ugama Islam Selangor. Peruntukan ini bermakna, sokongan daripada Yang di Pertua adalah penting untuk mendapat jawatan tetap. Sekiranya sokongan tidak diperolehi, maka sudah tentulah Mufti yang dilantik itu tidak akan diserapkan ke jawatan tetap.

Dalam satu lagi kenyataan mengenai kelayakan Mufti dinyatakan bahawa:[61]

> "Jawatan Mufti hendaklah seorang yang masyhur pengalamannya di dalam hukum Islam dan yang beramal dengan ilmunya serta berkelakuan baik"

Kenyataan di atas menunjukkan Mufti yang dilantik hendaklah terdiri daripada seorang yang berpengalaman dalam hal ehwal agama Islam terutamanya dalam bidang Syariah. Ini kerana persoalan yang sering ditanya adalah berkaitan dengan hukum sesuatu tindakan. Di samping itu juga, pengamalan serta akhlak seseorang turut diambil kira dalam perlantikan Mufti.

Kenyataan baru tentang jawatan Mufti oleh Dato' Hj. Abu Hassan Omar adalah sepertimana di bawah ini:[62]

> *"All three shortlisted candidates are much younger than the present Mufti, have good qualifications and vast experience in the administration of Syariah legislations."*

Kenyataan di atas menunjukkan terdapat tiga garis panduan yang dinyatakan oleh Menteri Besar Selangor mengenai kelayakan seseorang Mufti. Tiga ciri yang ditekankan iaitu tahap umur, kelayakan dan pengalaman seseorang sebelum dilantik. Dari segi umur, ianya menunjukkan kecenderungan untuk melantik Mufti yang lebih muda. Walau bagaimanapun, kenyataan di atas juga dilihat amat mengambil kira pengalaman seseorang dalam bidang pentadbiran undang-undang Islam. Garis panduan yang dinyatakan oleh Menteri Besar itu dilihat bertentangan amalan terdahulu. Tahap umur dan pengalaman adalah saling berkait rapat dan kebanyakan pengalaman diperolehi setelah lama berkhidmat. Walau bagaimanapun, kelayakan akademik tidak dinyatakan dengan jelas sama ada perlantikan Mufti akan

dipilih di kalangan mereka yang menerima ijazah sarjana muda, sarjana ataupun ijazah kedoktoran.

Syarat-syarat Mufti sepertimana yang diterangkan di atas adalah selaras dengan kehendak Islam yang amat mementingkan ilmu pengetahuan yang mendalam dalam hukum Syarak serta mempunyai sifat-sifat yang baik. Imām al-Ghazālī telah menerangkan syarat-syarat Mufti ialah seorang yang boleh berijtihad serta bersikap adil di mana tanpa kedua-dua syarat ini, seseorang itu tidak boleh mengeluarkan fatwa.[63] Syarat ini juga dinyatakan oleh al-Syāṭibī dalam kitab *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Syarī'ah* dengan meletakkan syarat Mufti ialah seorang yang luas ilmu pengetahuannya yakni dapat memahami maksud syariat dengan sempurna dan boleh mengistinbat sesuatu hukum serta seorang yang adil.[64]

Al-Syīrāzī dalam kitab *Syarḥ al-Luma'* menyatakan bahawa Mufti mestilah seorang mujtahid yang mengetahui cara-cara mengeluarkan hukum dari al-Quran, Sunah, Ijmak dan Qias serta yang berkaitan dengannya seperti mengetahui ayat-ayat ahkam, halal dan haram, periwayat-periwayat hadis, bahasa Arab, mengetahui autoriti dalil-dalil mengikut tingkatannya, seorang mukmin yang *thiqah* dan tidak memudahkan urusan agama.[65] Manakala al-Rāzī dalam kitab *al-Maḥṣūl fī 'Ilm Uṣūl al-Fiqh* menyatakan syarat Mufti ialah seorang yang boleh berijtihad, adil dan *thiqah*.[66]

Dari kenyataan-kenyataan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa seseorang yang dilantik menjadi Mufti mestilah seorang yang berkelayakan tetapi tidak hanya bergantung kepada kelulusan akademik sahaja. Kelayakan-kelayakan lain seperti latar belakang pendidikan agamanya, pengalaman dalam pekerjaan, berperawakan mulia, sempurna tubuh badan, berani mengeluarkan fatwa serta sanggup menghadapi risiko merupakan ciri-ciri yang perlu ada pada seseorang Mufti. Di samping itu juga, elemen-elemen lain bagi seseorang Mufti ialah seorang yang *moderate* dan tidak bersikap *'aṣabiyyah, taqlid* dan *hizbiyyah,* tidak rigid dan boleh berkomunikasi dengan baik.[67]

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa)

Sebuah Jawatankuasa Undang-Undang Ugama ditubuhkan di Selangor apabila Enakmen Pentadbiran Hukum Syara' Selangor 1952, memperuntukkan:

> "Hendaklah diadakan satu Jawatankuasa Undang-Undang Ugama bagi Majlis yang mengandungi Mufti, dan tidak lebih daripada dua orang ahli majlis lagi dan tidak lebih daripada dua orang yang layak dan patut daripada ahli majlis atau tidak."[68]

Jawatankuasa Undang-Undang Ugama turut dikenali sebagai Jawatankuasa Fatwa. Jawatankuasa ini dipercayai wujud selaras dengan kewujudan Mufti setelah jawatankuasa ini bersidang untuk kali yang ke-17 pada tahun 1959.[69] Oleh yang demikian, laporan urusetia Jawatankuasa Fatwa tahun 1987 yang mengatakan jawatankuasa ini wujud pada tahun 1960-an adalah tidak benar.[70]

Nama jawatankuasa ini kemudiannya ditukar kepada Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 34(1) (2), Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor 1989:

1) Maka hendaklah ada suatu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'

2) Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada:
   a) Mufti sebagai Pengerusi;
   b) Timbalan Mufti;
   c) Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor
   d) Seorang pegawai dari Jabatan Agama Islam Selangor yang mahir dalam Hukum Syara' yang akan dilantik oleh Majlis
   e) Sekurang-kurangnya dua orang, tetapi tidak lebih daripada lima orang yang akan dilantik oleh Majlis, terdiri daripada orang-orang yang mahir dalam Hukum Syara'

Keanggotaan mereka dalam jawatankuasa ini terbahagi kepada dua iaitu keanggotaan menurut jawatan dan tidak menurut jawatan yang mana kedua-duanya perlu mendapat surat perlantikan. Mereka yang menganggotai jawatankuasa menurut jawatan ialah Mufti sebagai pengerusi, Timbalan Mufti, Penasihat Undang-Undang Negeri, Pengarah JAIS dan juga pegawai hal ehwal agama Islam di PMNS merangkap setiausaha. Manakala ahli-ahli yang selebihnya merupakan orang-orang yang dipilih dan dilantik oleh DYMM Sultan berdasarkan kepakaran mereka dalam hukum Syarak.

Ahli-ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' yang dilantik mengikut 40(1), Enakmen Pentadbiran Hukum Syara' Selangor 1952 akan tetap menjadi ahli sekalipun enakmen ini sudah tidak digunakan sepertimana yang diperuntukkan dalam seksyen 34(3), Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor 1989:

> Orang yang sebaik sahaja sebelum berkuatkuasa seksyen ini, telah dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Undang-Undang Agama yang ditubuhkan di bawah seksyen 40(1) Enakmen 1952, hendaklah dianggap telah dipilih atau dilantik menjadi ahli Jawatankuasa Perundingan Hukum Syara' dan hendaklah terus menjadi ahli sehingga tamat tempoh perlantikannya.

Peruntukan di atas menjelaskan bahawa pertukaran enakmen tidak menjejaskan perlantikan ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' yang telah dibuat. Ini bermakna perlantikan yang dibuat mengikut seksyen 40(1) Enakmen Pentadbiran Hukum Syara' Selangor 1952 sebelum ini tidak akan terbatal.

Kebanyakan mereka yang dilantik menganggotai Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' terdiri daripada bekas Mufti, bekas Pengarah JAIS, bekas Nazir Pelajaran, bekas Penasihat Undang-Undang Negeri, guru agama, imam masjid negeri, pensyarah, Kadi Besar dan lain-lain. Perlantikan ahli jawatankuasa yang terdiri daripada golongan-golongan ini amat sesuai sekali berdasarkan pengalaman serta keupayaan mereka memperjelaskan persoalan yang ditimbulkan serta dapat merujuk kitab-kitab muktabar.

Jumlah ahli jawatankuasa juga telah diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syara' Selangor 1952, seksyen 41 yang menyatakan bahawa:

> "Hendaklah diadakan satu Jawatankuasa Undang-Undang Ugama bagi Majlis yang mengandungi Mufti, dan tidak lebih daripada dua orang ahli majlis lagi dan tidak lebih daripada dua orang yang layak dan patut daripada ahli majlis atau tidak."

Peruntukan di atas menjelaskan bahawa bilangan anggota Jawatankuasa Undang-Undang Ugama ialah seramai 5 orang sahaja. Akan tetapi, dari segi perlaksanaannya seramai 10 orang telah dilantik menganggotai jawatankuasa ini untuk sesi tahun 1959.[71] Walau bagaimanapun, bilangan ahli pada tahun 1960 hingga 1964 hanyalah 5 orang.[72] Manakala tahun 1970 hingga 1972 bilangannya meningkat kepada 7 orang.[73] Ianya telah dipengerusikan oleh Dato' Haji Ghazali bin Haji Abdullah. Jumlah bilangan keanggotaan ini berterusan hingga sesi tahun 1973 hingga 1975. Walau bagaimanapun berlaku pertambahan bilangan ahli jawatankuasa pada sesi tahun 1976 hingga 1978 iaitu pertambahan seramai 2 orang dan menjadikannya 9 orang ahli.[74] Keahlian bertambah lagi lalu menjadikannya seramai 10 orang pada sesi tahun 1979 hingga 1981.[75] Jadual di bawah menunjukkan jumlah ahli jawatankuasa bagi tahun-tahun tersebut;[76]

Jadual 1:
Bilangan Ahli Jawatankuasa Undang-Undang Ugama Negeri Selangor Dari Tahun 1959-1990

Tahun/Bilangan	Jumlah	Lelaki	Wanita
1959	10	10	-
1960	5	5	-
1961	5	5	-
1962	5	5	-
1963	5	5	-
1964	5	5	-
1965	5	5	-
1966	5	5	-
1967	5	5	-
1968	5	5	-
1969	6	6	-
1970	6	6	-
1971	6	6	-
1972	6	6	-
1973	7	7	-
1974	7	7	-
1975	7	7	-
1976	9	9	-
1977	9	9	-
1978	9	9	-
1979	9	9	-
1980	9	9	-
1981	9	9	-
1985	12	12	-
1986	12	12	-
1987	12	12	-
1988	6	6	-
1989	6	6	-
1990	6	6	-

Sumber: Fail Pejabat Ugama Islam Tanjung Karang 1953-1975, bil. 1/59.
Fail P.I.JAIS.SEL.048, Warta Kerajaan Negeri Selangor dan PMNS.

Jadual di atas jelas menunjukkan bahawa jumlah ahli jawatankuasa yang paling sedikit ialah seramai 5 orang dan jumlah tertinggi ialah 10 orang. Walau bagaimanapun, berdasarkan jadual di atas menunjukkan adanya lebihan ahli yang dilantik bagi menganggotai jawatankuasa ini. Pada tahun 1959 jumlah ahli seramai 10 orang adalah melebihi jumlah yang sebenarnya diperuntukkan oleh Enakmen Pentadbiran Hukum Syara' Selangor 1952 iaitu seramai 5 orang sahaja. Jumlah yang ramai pada tahun 1959 berkemungkinan berlaku kerana jawatankuasa ini masih lagi baru dan memerlukan ahli yang ramai. Namun, terdapat juga usaha untuk menetapkan bilangan anggota jawatankuasa kepada 5 orang bermula tahun 1960. Akan tetapi, jumlah ini tidak dikekalkan apabila jumlah ditambah menjadi 6 orang bermula tahun 1969. Jumlah anggota jawatankuasa bertambah lagi menjadi 7 orang dan akhirnya 9 orang.

Memandangkan keperluan semasa, peruntukan jumlah anggota jawatankuasa perlu ditambah. Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor 1989 di bawah seksyen 34 (2) memperuntukkan jumlah ahli jawatankuasa ini adalah seramai 9 orang. Dari jumlah seramai 9 orang ini, 5 orang daripadanya menyertai jawatankuasa menurut jawatan. Hanya 4 orang yang lain sahaja dilantik oleh DYMM Sultan sebagai ahli kepada jawatankuasa ini. Namun, pengambilan ahli melebihi jumlah yang diperuntukkan turut berlaku sepertimana jadual di bawah:

Jadual 2:
Bilangan Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' Negeri Selangor Dari Tahun 1991-1999

Tahun/Bilangan	Jumlah	Lelaki	Wanita
1991	8	8	-
1992	8	8	-
1993	8	8	-
1995	9	8	1
1996	12	11	1
1997	10	10	-
1998	10	10	-
1999	10	10	-

Sumber: P.I.JAIS.SEL.048 dan PMNS

Jadual di atas menunjukkan perlantikan ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' dibuat sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang. Kekurangan ahli berlaku pada tahun 1991 hingga 1993. Keadaan ini mungkin disebabkan Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor 1989 baru dikuatkuasakan. Manakala lebihan bilangan ahli jawatankuasa berlaku dari tahun 1997 hingga sekarang. Namun, mulai tahun 1997 jumlah ahli telah dikekalkan kepada 10 orang.

Berdasarkan perbincangan dalam jadual 1 dan 2, didapati penglibatan wanita sebagai ahli jawatankuasa adalah terlalu asing kerana tidak terdapat seorang pun ahli wanita diambil menganggotainya dari tahun 1959 hingga 1994. Hanya pada tahun 1995 dan 1996 sahaja terdapat seorang ahli wanita yang pada ketika itu bertugas sebagai Penasihat Undang-Undang dan menyertai jawatankuasa ini atas nama jawatannya. Ini bermakna, walaupun golongan wanita sudah ramai menyertai bidang profesional, sumbangan wanita dalam bidang fatwa masih kurang. Berdasarkan peruntukan enakmen, tiada halangan untuk melantik para ilmuan wanita bagi menyertai jawatankuasa ini.

Tempoh perlantikan keahlian pula adalah bergantung kepada selama mana yang ditetapkan oleh DYMM Sultan. Ini selaras dengan peruntukan seksyen 40(2) Enakmen Pentadbiran Hukum Syara' Selangor 1952, yang menyatakan:

> "Ahli jawatankuasa yang lain daripada Mufti hendaklah dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam Mesyuarat Kerajaan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Kenyataan lantikan itu hendaklah diisytiharkan dalam warta kerajaan".

Sebelum tahun 1970, perlantikan keahlian adalah untuk tempoh setahun sahaja. Walau bagaimanapun, tempoh perlantikan tahun selepasnya adalah selama 3 tahun. Selepas tamat tempoh tersebut, keahliannya akan diperbaharui atau ditamatkan bergantung kepada perkenan DYMM Sultan. Bermula dari tahun 1985, tempoh perlantikan telah ditambah menjadi 4 tahun bagi setiap satu sesi.[77]

Mesyuarat jawatankuasa ini biasanya dibuat tidak lebih dari 4 kali persidangan setahun.[78] Pada tahun 1963, mesyuarat fatwa telah diadakan sebanyak 3 kali berbanding tahun 1964, 4 kali mesyuarat telah diadakan.[79] Bilangan mesyuarat yang dibuat sekurang-kurangnya 4 kali setahun mencukupi memandangkan dalam tempoh 3 bulan, permasalahan baru mungkin akan timbul dan dikumpul untuk dibawa ke dalam mesyuarat Jawatankuasa Fatwa. Namun, pentadbiran PMNS yang ada sekarang akan berusaha untuk mengadakan mesyuarat setiap 2 bulan supaya permasalahan yang diterima tidak terlalu banyak.[80]

Nota Hujung

1. SUK Selangor 1952, bil. 392A/52. Walau bagaimanapun, *Syeikh al-Islām* Tengku Mahmud Zuhdi dalam suratnya kepada Selangor Secretariat menyatakan bahawa beliau mula bertugas pada tahun 1929 lagi. Lihat dalam fail Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor 1952, bil. 392A/52. Akan tetapi, terdapat kenyataan lain yang menyatakan bahawa beliau mula berkhidmat pada tahun 1935. Lihat *Risalah Pengenalan Ringkas Pejabat Mufti Negeri Selangor,* diterbitkan oleh Pejabat Mufti Negeri Selangor dan http://www.selangor.gov.my/mufti/Pengenalan/pengenalan.htm
2. Moshe Yegar (1979), *Islam And Islamic Institutions in British Malaya 1874-1941,* Jerussalem: The Magnes Press, hal. 59, 72 dan 82.
3. Fail P.I.JAIS.SEL.048 dan Fail Jawatankuasa Perunding Hukum Syara', no. 500/3.
4. Hj. Abdul Hamid bin Yunus (1993), "Fatwa Di Malaysia: Satu Penilaian Sejarah", *Jurnal Penyelidikan Islam,* Bil. 8, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Pendana Menteri, hal. 32.
5. Fail P.I.JAIS.SEL.048 dan Fail Jawatankuasa Perunding Hukum Syara', no. 500/3.
6. *Warta Kerajaan Negeri Selangor,* 25 Julai 1968.
7. Ahmad Rafai bin Abdullah (1970), "Struktur, Organisasi Dan Fungsi Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam dan Majlis Ugama Islam Negeri Selangor", Latihan Ilmiah Universiti Malaya, hal. 38.
8. *Warta Kerajaan Negeri Selangor,* 18 Julai 1974.
9. *Warta Kerajaan Negeri Selangor,* 20 Mei 1976.
10. *Warta Kerajaan Negeri Selangor,* 5 Disember 1985.
11. Fail P.I.JAIS.SEL.048.
12. *Ibid.*
13. *Warta Kerajaan Negeri Selangor,* 25 Januari 1968.
14. *Warta Kerajaan Negeri Selangor,* 17 Februari 1972.
15. "Mohd Tamyes Dilantik Mufti Baru Selangor", *Utusan Malaysia,* 12 Mac 1998.
16. *Warta Kerajaan Negeri Selangor,* 15. Ogos 1991.
17. Fail P.I.JAIS.SEL.048.
18. *Ibid.*
19. *Fatwa Warta Kerajaan Negeri Selangor (1991 Hingga 1997),* Selangor: Pejabat Mufti Negeri Selangor, hal. 98.
20. Temubual dengan Abdul Malek bin Hj. Ghazali (bekas Pegawai Hal Ehwal Islam Pejabat Mufti Negeri Selangor) pada 11 Februari 1998, jam 11 pagi.
21. Muhammad Saghir Abdullah (1976), "Syeikh al-Islam di Selangor: Tengku Mahmud Zuhdi bin Tengku Abdul Rahman", *Al-Ehsan,* jil. 1-2, hal. 17-19.
22. *Ibid.,* Lihat juga fail SUK Selangor 1952, bil. 392A/52.
23. Muhammad Saghir Abdullah, *op.cit.,* hal. 17-19.

24. SUK Selangor 1952, bil. 392A/52.
25. Ahmad Rafai bin Abdullah, *op.cit.*, hal. 85.
26. Fail Pejabat Ugama Islam Sabak Bernam 1956-1974, bil. 4/71.
27. Laporan Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Mahkamah Selangor: Penyata Ulangkaji Berhubung dengan Perkara-Perkara Awam dari 1/1/1964 – 30/9/1964, Bil (29) dalam I.P.U.I. Sel.: 473/61.
28. *Ibid.*
29. *Warta Kerajaan Negeri Selangor,* 16 Mac 1995. Peruntukan melantik Jemaah Pemangku Raja dibuat mengikut perkara xxi, bah.1, *Undang-Undang Tuboh Kerajaan Negeri Selangor 1959.*
30. *Ibid.*
31. *Subsidiary Legislation Government of Selangor 1953,* hal. 129-130.
32. Laporan Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Mahkamah Selangor: Penyata Ulangkaji Berhubung dengan Perkara-Perkara Awam dari 1/1/1964-30/9/1964, Bil. (29) dalam I.P.U.I. Sel.: 473/61.
33. Ahmad Rafai bin Abdullah (1970), *op.cit.*, hal. 85.
34. *Ibid.*, hal. 86.
35. *Ibid.*, hal. 89.
36. *Ibid.*, hal. 90.
37. *Ibid.*, hal. 91
38. Laporan Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam dan Mahkamah Shara'iah Negeri Selangor, bil. (19) dalam IPUI. Sel. 54/68.
39. Fail Selangor Secretariat "G" (British Resident's Office) Selangor 1935, Bil. 827/ 35.
40. *Warta Kerajaan Negeri Selangor,* 23 September 1976.
41. *Warta Kerajaan Negeri Selangor,* 6 Disember 1979.
42. *Warta Kerajaan Negeri Selangor,* 12 Mac 1987. Contoh kes rayuan *Nooranita binti Kamaruddin lwn. Faeiz bin Yoep Ahmad* dalam *Jurnal Hukum,* Jil. VII, bah. I, Syaaban 1410/Mac 1990, hal. 52. Selain dari Dato' Mufti Haji Ishak bin Haji Baharom, jawatankuasa ini juga dianggotai oleh Tan Sri Dato' Hj. Mohd. Azmi bin Dato' Hj. Kamarudin (Pengerusi) dan Tan Sri Professor Ahmad bin Ibrahim. Kes ini adalah berkaitan dengan rayuan hak penjagaan anak.
43. *Warta Kerajaan Negeri Selangor,* 9 Jun 1988.
44. *Warta Kerajaan Negeri Selangor,* 22 Oktober 1992.
45. Selangor Secretariat 1948, Bil. 1796/48.
46. Fail P.I.JAIS.SEL.048.
47. *Ibid.*
48. *Ibid.*
49. *Ibid.*

50. Fail Selangor Secretariat 1948, Bil. 1796/48.
51. *Ibid.*
52. *Ibid.*
53. Tarikh lahir beliau ialah 15 Oktober 1890 dan ianya adalah lebih tepat (lihat dalam fail Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor 1952, bil. 392A/52). Terdapat percanggahan tentang tahun beliau dilahirkan apabila ada pendapat yang menyatakan bahawa beliau lahir pada 1885 (Lihat dalam Fail P.I.JAIS.SEL.048 dan Fail Jawatankuasa Perunding Hukum Syara', no. 500/3). Walau bagaimanapun ada pendapat menyatakan bahawa beliau dilahirkan pada tahun 1876. Hj. Abdul Hamid bin Yunus, *op.cit.* Kedua-dua pendapat tersebut tidak mempunyai bukti yang kukuh.
54. Beliau telah dilahirkan pada tahun 1883 dan berasal dari Teluk Menegun, Klang.
55. Beliau dilahirkan pada 30 Jun 1915 di Kampung Padang Tenggala, Bota Kanan, Parit, Perak.
56. Beliau dilahirkan pada 10 Mac 1910 di Pontianak, Indonesia.
57. Beliau dilahirkan pada 16 November 1922 di Kuang, Selangor.
58. Beliau dilahirkan pada 1 Jun 1928 di Kanchong Darat, Banting, Selangor.
59. Beliau dilahirkan pada tahun 1951 dan berasal dari Sungai Besar, Sabak Bernam, Selangor.
60. Abū al-Fidā' Ismā'īl ibn Kathīr (1971), *al-Sīrah al-Nabawiyyah,* Juz. 1, Beirut: Dār al-Ma'rifah, hal. 388-393.
61. Fail Selangor *Secretariat* 1948, Bil. 1796/48.
62. Sa'odah Elias, "Selangor Mufti's Contract Not Renewed", *New Straits Times,* 16 Oktober 1997.
63. Abū Ḥamīd Muḥammad bin Muḥammad, al-Ghazālī (t.t), *al-Mustaṣfā min 'Ilm al-Uṣūl,* Juz. 2, Baghdād: Maktabah al-Muthannā, hal. 403.
64. Ibrāhīm bin Mūsā, Abū Isḥāq al-Syāṭibī (1991), *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Syarī'ah,* Jil.2, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, hal. 199 dan 76-78.
65. Abū Isḥāq Ibrāhīm, al-Syīrāzī (1988), *Syarḥ al-Luma',* Juz. 2, Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, m.s. 1033-1035.
66. Fakhr al-Dīn Muḥammad bin 'Umar bin al-Ḥusin, al-Rāzī (1992), *al-Maḥṣūl fī 'Ilm Uṣūl al-Fiqh,* Juz. 6, Beirut: Mu'assasah al-Risālah, hal. 69-71.
67. Raihanah Haji Abdullah, Laporan Personel dan Sumber Manusia Jabatan Mufti, Projek Penganalisaan Fatwa-Fatwa Semasa di Malaysia (07-02-03-0403), hal. 56-57.
68. *Enakmen Pentadbiran Ugama Islam Selangor 1952,* seksyen 41.
69. Fail Pejabat Ugama Islam Tanjung Karang 1953-1975, Bil. 1/59.
70. Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor Tahun 1997. Mukadimah ini juga sering digunakan dalam laporan-laporan keputusan mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'.
71. Fail Pejabat Ugama Islam Tanjung Karang 1953-1975, Bil. 1/59.

72. *Ibid.*
73. Fail P.I.JAIS.SEL.048.
74. *Ibid.*
75. *Ibid.* Lihat juga Laporan Jawatankuasa Undang-Undang Ugama Islam Selangor, Bil. (52) dalam JAI. Sel. 5006 Bhg. I (Fatwa).
76. Jumlah bilangan ahli jawatankuasa tidak diperolehi bagi tahun 1982, 1983 dan 1984.
77. Fail P.I.JAIS.SEL.048.
78. Fail Pejabat Ugama Islam Sabak Bernam 1956-1974, Bil. 4/64.
79. *Ibid.*
80. Temubual dengan Md. Razali Hasanusi (Pegawai Hal Ehwal Islam Pejabat Mufti Negeri Selangor hingga kini) pada 20 November 1999, jam 11 pagi.